

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



DUA PELANGGAN BANK ISLAM MENANGI TIKET MENYAKSIKAN KEJOHANAN PIALA DUNIA FIFA QATAR 2022™

Seramai 190 turut memenangi pelbagai hadiah menarik sempena Kempen Kad Kredit-i Edisi Terhad Bertemakan FIFA

KUALA LUMPUR, Rabu, [23 November 2022]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini mengumumkan seramai 192 pemenang Kempen Kad Kredit-i Edisi Terhad Bank Islam Visa Bertemakan FIFA. Dari jumlah tersebut, dua pemenang hadiah utama akan diterbangkan ke Qatar bagi menyaksikan dua perlawanan suku akhir Piala Dunia serta menikmati pelbagai ganjaran lain seperti tiket penerbangan pergi-balik, penginapan dan wang tunai RM10,000.

Kempen, yang berlangsung dari 15 Jun 2022 sehingga 30 September 2022, merupakan hasil kerjasama Bank Islam dengan Visa, selaku Rakan Global FIFA. Pemenang yang terpilih merupakan pelanggan yang telah memohon dan mengaktifkan kad edisi terhad berkenaan atau mengumpul kelayakan penyertaan dengan berbelanja pada nilai minimum RM200 dalam satu resit menggunakan kad sama sepanjang tempoh kempen.

Majlis penyampaian hadiah Kempen Kad Kredit-i Edisi Terhad Bank Islam Visa Bertemakan FIFA telah disempurnakan oleh Mizan Masram, Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Runcit, Bank Islam, dalam satu majlis yang berlangsung di Menara Bank Islam hari ini.

Seorang daripada dua pemenang hadiah utama kempen iaitu Syakinah Mohamed, yang berasal dari Kelantan, berkata, “Selepas saya mendaftar untuk mendapatkan kad kredit, saya dimaklumkan mengenai kempen berkenaan dan saya berbelanja menggunakan tetapi tidak menyangka boleh menang.”

Manakala Dzulhizzam Dulaidi dari Selangor pula berkata, “Saya tidak sabar untuk ke Qatar untuk menyaksikan perlawanan suku akhir secara langsung. Sudah pastinya ini merupakan satu peluang keemasan dalam hidup yang tidak mungkin saya lupakan. Terima kasih Bank Islam atas peluang ini.”

Menurut Mizan, “Bank Islam amat berterima kasih dengan sokongan padu yang ditunjukkan pelanggan terhadap penawaran terbaru kad kredit kami ini. Menerusi kempen selama tiga bulan ini, kami berjaya mencapai sasaran 10,000 pemegang kad baharu Kad Kredit-i Edisi Terhad Visa Bertemakan FIFA. Dengan reka bentuk menarik yang menampilkan trofi Piala Dunia FIFA™ pada bahagian latar kad, peminat bola

sepak berupaya memperingati acara sukan berprestij yang baru bermula pada Ahad lalu dan seterusnya memeriahkan lagi penganjuran Piala Dunia FIFA Qatar 2022™."

"Bank Islam berbangga menjadi sebahagian daripada acara terkemuka dunia ini dan menawarkan pengalaman sekali seumur hidup kepada pelanggan. Selain dilihat sebagai salah satu cara untuk memberikan ganjaran kepada para pelanggan Bank Islam, kempen ini juga merupakan usaha kami untuk memupuk budaya transaksi tanpa tunai serta perbankan bertanggungjawab untuk mereka," tambah beliau.

Kad Kredit-i Edisi Terhad Bank Islam Visa Bertemakan FIFA ini adalah satu kad gaya hidup yang menawarkan pelbagai manfaat yang direka khusus untuk pemegang kad, daripada kegunaan untuk membeli-belah kepada melancong, makan dan minum mahupun hiburan. Ia seterusnya menawarkan pemegang kad, terutamanya golongan muda dan baru bekerja, pengalaman perbankan yang unik dan berharga. Pemegang kad edisi terhad ini akan turut menerima perlindungan takaful percuma bagi baki kad, ganjaran TruPoints bagi setiap RM1 yang dibelanjakan menggunakan kad tersebut dan pengecualian fi tahunan dengan 12 transaksi minimum setiap tahun.

About Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam is Malaysia's first publicly listed Islamic Bank on the Main Market of Bursa Malaysia Berhad. Established in July 1983 as Malaysia's first Islamic Bank, Bank Islam has 135 branches and more than 900 self-service terminals nationwide. As a full-fledged and pure-play Islamic bank, Bank Islam provides banking and financial solutions that strictly adhere to the Shariah rules and principles and are committed to the ideals of sustainable prosperity and ESG values. The core subsidiaries of the Bank Islam Group are pioneers in various Islamic financial services, including investment and stockbroking, namely BIMB Investment Management Berhad and BIMB Securities Sendirian Berhad. For more information on the Group's products and services, visit www.bankislam.com.

For further information, please email BIMB Group's Media Relations at:
MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my